

Qalam

Majalah Bulanan Melayu Terbit Tiap-tiap Awal Bulan Masihi

Bilangan 3 - Oktober 1950 – Senaskhah 50 sen

AIDIL ADHA

-----*-----*-----

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar – Allahuakbar walillahilhamd.

Alhamdulillah dalam keluaran yang ketiga ini dapat pula kita berhari Raya bertakbir dan bertahmid menyeru kebesaran Ilahi, di dalam Hari Raya Korban yang mengandungi riwayat-riwayat pengorbanan yang terdapat di dalamnya suatu iman yang besar mempercayai kepada yang ghaib yang terlingkung di dalam ayat, “*Allazina yukminu bil ghair*” – iaitu orang-orang yang beriman (percaya) kepada yang ghaib (yang tiada didapat di dalam satu pancaindera). Kepercayaan yang sedemikian ini telah cuba diracun bukannya sahaja oleh orang yang sememangnya tidak beragama tetapi juga oleh mereka-mereka yang asalnya atau turun-temurun beragama yang dengan kerana tiada pengetahuan, mereka itu telah jahil lalu mengatakan bahawa agama itu adalah penghalang dan mempercayai yang ghaib ini adalah suatu perkara yang tidak patut atau mesti dijauhkan yang menunjukkan bahawasanya yang mereka itu tidak beriman langsung dan cuba pula meracuni masyarakat kita, yang patut diperhati dan dikawal serta digalang percubaan-percubaan mereka itu yang kelak akan merosakkan roh dan jiwa anak-anak yang mudah terpengaruh oleh sebab ketiadaan

pengetahuan mereka itu kepada hakikat agama yang sebenar.

Mereka-mereka yang beriman yang mempercayai kepada yang ghaib itu hari ini berkumpul ditempat yang penuh mempunyai sejarah dari mana-mana tempat bertakbir dan bertahmid, berzikir dan ibadah membesarkan syiar Allah Subhanahu wa Taala terutamanya beratus-ratus ribu umat Muhammad (SAW) hari ini berkumpul dipadang Arafat kerana menunaikan ibadah haji yang baharu mereka selesai daripada menunaikannya. Di padang yang luas itu berkumpullah mereka itu datang daripada segala penjuru dunia terdiri daripada berbagai-bagai bahasa dan bangsanya yang beribu-ribu batu jauhnya perjalanan mereka itu. Semuanya mereka di sana, hadir di sana dengan mengeluarkan banyak harta dan tenaganya dengan menempuh berbagai-bagai kesukaran yang mereka lakukan dengan hati yang redha dan gembira sebagai hamba Allah memenuhi panggilan Illahi yang mereka cintai dengan segenap roh dan jiwa mereka itu.

Dengan hebat dan suara yang menderu-menderu di sana mereka menyahut seruan itu sebagai hamba yang mengharapkan keredhaan Allah, dengan suara yang sama dan bahasa yang sama – *Labaik Allah humma labaik* —inilah hamba-Mu hai Tuhanku, inilah hamba-Mu memenuhi panggilan-Mu. Semua mereka itu berkumpul di bumi Allah yang luas dan bebas berlantaikan padang pasir yang putih bersih, beratapkan langit yang biru bersih bersama-sama menyeru zikir dan Asmaul Husna, membesar dan memuji Tuhan seru sekalian alam. Dipadang yang penuh bersejarah inilah tertanam benih persaudaraan di antara orang-orang Muslimin dan di sanalah timbulnya perasaan persaudaraan yang hakiki yang menyerap ke tulang sumsum persaudaraan sejati sebagaimana yang terkandung di dalam firman Allah, “*Innamal mukminuna ikhwah*”, tiap-tiap seorang mukmin itu adalah bersaudara. Persaudaraan mereka itu ialah bersatu dalam bertakwa kepada Allah melebur berbagai-bagai macam perbezaan warna, darjat, dan tabiat yang

menjadikan persatuan dan kesatuan umat yang hidup mempunyai satu cita-cita dan satu tujuan.

Di dalam bertakwa kepada Allah itu di dalam hari yang suci dan pengorbanan yang suci ini Allah memberi contoh dan teladan kepada kehidupan yang belum pernah dapat dilakukan oleh seorang hambanya sebagaimana pengorbanan yang diberi oleh Nabi Allah Ibrahim dan anaknya Nabi Allah Ismail yang menunjukkan ikhlas mereka itu menunaikan perintah Allah tidak dengan menduakan perasaan hatinya dan tidak mendatangkan sedikit syak pun kepada kepercayaannya melainkan berserah kepada menunaikan perintah Allah yang di datangkan oleh Allah untuk mencuba kepada tiap-tiap makhluk-Nya dengan berbagai-bagai percubaan supaya menetapkan keimanan mereka itu berbakti dan berkhidmat serta berserah kepada kekuasaan Allah.

Pengorbanan yang diberi-Nya ini yang menjadikan Hari Raya ini dinamakan Hari Korban ialah oleh kerana pengorbanan yang dilakukan ini ialah pengorbanan yang suci bagi keperluan yang suci dan dengan hatinya yang suci. Dengan pengorbanannya yang sedemikian itu dapatlah rasanya kita membayangkan bagaimana perjuangan batin Nabi Allah Ibrahim tatkala menerima di dalam wahyu perintah Allah yang ia hendaklah mengorbankan anaknya yang masih muda remaja iaitu Nabi Allah Ismail. Keadaan yang demikian ini menghadapi perasaan yang berat iaitu di antara perasaan cinta kepada anak yang sangat disayangi dengan menunaikan kewajipan yang wajib dijalankan iaitu mengorbankan barang yang sangat disayanginya itu.

Akhirnya sebagai hamba yang taat dan bertakwa Nabi Allah Ibrahim memilih yang kedua iaitu menunaikan kewajipan yang diperintahkan kepadanya dan oleh yang demikian ia bertanya kepada anaknya: "Hai anakku sesungguhnya aku telah melihat di dalam mimpiku bahawa aku harus mengorbankan kamu, bagaimanakah pendapat engkau? Anak yang masih muda remaja

dan tahukan kewajipan itu dengan tetap menjawab:

"Wahai ayah janganlah ayah waham perintah Allah wajib dijalankan. Wahai ayah jalankan apa yang telah diperintahkan oleh Allah. Insya-Allah ayah akan melihat bahawa anakanda ialah salah seorang daripada mereka-mereka yang tabah berhati waja. Maka tatkala "sakin" nabi Allah Ibrahim diletakkan di leher puteranya yang menunjukkan di antara keduanya bersedia dengan bersungguh-sungguh. Hati bapa ikhlas memberi korban, anak redha menjadi korban dengan bersama-sama sabar menjalankan perintah Allah yang kemudiannya dengan kerana ketulusan itu kedua-duanya dibebaskan daripada pengorbanan tadi dan digantikan dengan seekor haiwan.

Daripada kejadian ini adalah menunjukkan bagaimana hebatnya ujian yang nyata dilakukan oleh mereka dengan suci hati oleh kedua-dua jiwa yang suci dan bertakwa kepada Allah. Kejadian ini adalah sebagai suatu contoh di atas makhluk iaitu bagaimana mereka itu memberikan korban dengan tidak sedikit pun waham dan tidak gentar serta tidak takut dengan semata-mata hanya berharap kepada keredhaan Allah dan dengan pengorbanan yang demikian inilah manusia dapat mengangkat darjat dan taraf bangsa mereka itu dengan tidak mepedulikan segala halangan dan rintangan dengan semata-mata percaya bahawasanya kewajipan mereka ialah berkorban. Pengorbanan yang sangat dikehendaki pada setiap saat dan masa untuk meninggikan darjat kemuliaan agama mereka itu dengan tidak menaruh gentar kepada ancaman dan gertak, dengan tidak mempunyai sifat penakut, dengan tidak mengutamakan maslahat diri sendiri tetapi mengutamakan maslahat umum sehingga tercapailah ketinggian umat itu dengan usaha dan tenaganya sendiri, usaha yang mana sebagai suatu usaha menunaikan peringatan Allah Subhanah wa Taala: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri mengubah nasib mereka itu."

Di dalam Hari Raya Korban ini sayugialah kita mengiktibar dan mengingati bahawa oleh kerana keadaan yang sebegini hebat telah kita hadapi di dalam mana telah timbul di sekeliling kita perasaan-perasaan dan kelakuan-kelakuan yang mencapak kebesaran Illahi maka datanglah kewajipan kepada kita, kepada tiap-tiap seorang diri orang-orang Islam mengadakan pengorbanan-pengorbanan yang tepat, mencari jalan dan segala ikhtihar untuk menghapuskan capak-cela yang bakal membesar diri masa ke masa di sisi kita yang akhirnya akan memperkosa keselamatan dan kesucian agama kita.

Tiap-tiap seorang kita hendaklah menunaikan kewajipan memberikan pengorbanan untuk kebajikan masyarakat sebagaimana diperintahkan Allah—berjihadlah kamu dengan harta kamu dan diri kamu kepada jalan Allah. Pengorbanan yang dicontohkan pada Hari Raya Korban ini yang dirayakan dan disambut pada tiap-tiap tahun ini hendaklah ditunaikan bukannya sahaja setakat menyambutnya dan mengadakan pengorbanan haiwan tetapi di sebalik itu tenaga dan usaha mempertahankan kemuliaan agama Allah itu hendaklah diadakan - hendaklah didirikan supaya pada suatu masa apabila tiba masanya keadaan umat Islam di Semenanjung ini khasnya telah siap sedia menghadapi pancaroba yang sememangnya telah terbayang-bayang di hadapan mata kita dengan keadaan-keadaan yang nyata. Berilah korban dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh. Yang kaya hendaklah memberi hartanya kepada jalan ini dengan cara ikhlas - bukannya dengan cara mencari nama atau menjadi ketua atau minta dituakan. Yang mempunyai tenaga hendaklah memberikan tenaganya dan kebolehan mereka itu janganlah hendaknya disekat dan di sebalik itu carilah ikhtihar supaya jiwa dan roh pemuda-pemuda Islam itu hidup, hidup dengan penuhnya dengan tidak dapat diganjak-ganjak bagi menentang apa jua yang akan datang dan akan bersedia memberikan pengorbanan-pengorbanan dirinya kerana menuntut keredhaan

Allah – jiwa yang sedemikian itulah sangat dikehendaki dan dinanti oleh kedudukan agama kita hari ini.

Pengorbanan sebagaimana yang dicontohkan oleh Nabi Allah Ismail yang tidak gentar menghadapi mautnya kerana mengharap keredhaan Allah itu-itulah yang dikehendaki mesti ada di dalam dada tiap-tiap pemuda-pemuda Islam hari ini dan semangat-semangat itu tidak akan hidup selagi sebahagian daripada ulama-ulamanya tidak meniupkannya bahkan sebahagian daripada mereka itu cuba menghalang dan membekukan roh yang mesti ada kepada mereka itu kepada mereka itu, kepada pemuda-pemuda itu tidak lagi masanya kita mengatakan kamu mesti sembahyang dan sebagainya tetapi kepada pemuda-pemuda itu hendaklah diserukan: "Wahai pemuda-pemuda bahawa tenaga kamu adalah sangat dikehendaki, pengorbanan daripada kamu adalah sangat diminta, titik peluh dan tulang urat kamu adalah sedang dituntut untuk mendirikan syiar Allah, untuk mendirikan kemuliaan Islam."

Seruan yang semacam ini jika dihidup dan ditiupkan oleh ulama-ulama kita yang tahu bagaimana bencana yang akan dihadapi Islam pada masa akan datang sudah tentu mereka tampil ke muka menerima seruan-seruan itu asakan sahaja ada "disiplin" yang di dalamnya dikehendaki pula pengorbanan-pengorbanan harta daripada tiap-tiap seseorang Islam untuk orang Islam. Inilah yang sepatutnya dicontoh dan diinsafi di dalam kita bertakbir dan bertahmid pada Hari Raya Korban, hari raya yang menghendaki dan mengingati kepada tiap-tiap orang kita memberikan pengorbanannya dengan harta dan tenaganya kepada jalan Allah, meninggikan syiar - Allah, meninggikan kemuliaan agama Islam.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, walillah il hamd.

-----*-----*-----